

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003**

Februari/Mac 2003

RHS 505 – Undang-Undang dan Perumahan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Soalan untuk **Bahagian A** adalah **WAJIB** dan pilih mana-mana **SATU** soalan dari **Bahagian B, C** atau **D**.

BAHAGIAN A (Wajib)

1. Tiap-tiap satu perancangan dan pembangunan skim perumahan terdapat beberapa elemen, komponen dan orang-orang yang terlibat dalam pelaksanaannya. Senaraikan elemen-elemen dan komponen-komponen berkenaan serta orang-orang yang terlibat dan jelaskan akta-akta, undang-undang piawai dan garis panduan yang berkaitan dengannya untuk melaksana projek seperti tersebut.

(40 markah)

BAHAGIAN B

2. Salah satu alternatif kita boleh menggunakan tanah secara sah adalah melalui Lesen Pendudukan Sementara. Namun Lesen Pendudukan Sementara ini, seperti namanya, mempunyai skop dan hadnya yang tersendiri daripada aspek lesen itu sendiri dan penggunaan tanah terbabit. Bincangkan.

(20 markah)

3. Bincangkan mengenai “penrezaban tanah” dari aspek jenis-jenis rezab dan tujuan ianya direzabkan bagi setiap jenis rezab berkenaan.

(20 markah)

BAHAGIAN C

4. Dengan bantuan gambarajah, jelaskan Proses Permohonan Kebenaran Merancang yang dipraktikkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Apakah isu-isu yang berkaitan dengan proses ini dan berikan saranan anda untuk menghasilkan prosedur pemerosesan pelan susunatur yang lebih lancar?

(20 markah)

5. Laporan Cadangan Pemajuan sepertimana dinyatakan dalam Seksyen 21A, 21B dan 21C (Akta A933) merupakan pindaan ke atas Akta Perancangan Bandar dan Desam 1976 (Akta 172). Sila huraikan peruntukan yang terkandung dalam Akta A933 ini dan apakah rasional penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan ini?

(20 markah)

BAHAGIAN D

6. Siapakah pihak-pihak yang terlibat didalam sesuatu ikatan kontrak binaan. Bincangkan peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat didalam melaksanakan sesuatu kontrak binaan serta terangkan bagaimanakah kontrak ini boleh ditakbirkan dengan sempurna.

(20 markah)

7. Klausula Arbitrasi atau Timbangtara didalam sesuatu kontrak binaan membolehkan pihak-pihak yang terlibat merujuk sebarang pertelingkahan antara Majikan dengan Kontraktor diselesaikan melalui proses Arbitrasi. Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan 'Keputusan Timbangtara adalah mutakamad'.

(20 markah)